

## **Najib Terbang Ke Perth Rabu Malam Berhubung Usaha Mencari MH370 Bernama**

**2 Apr, 2014**

**Oleh Mohd Razman Abdullah**

PERTH, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak, dijadual tiba di sini pukul 11 malam Rabu untuk meninjau dari dekat usaha mencari pesawat Malaysia Airlines yang dijalankan di luar bandar raya di barat Australia ini yang dipercayai telah berakhir di selatan Lautan Hindi.

Najib berlepas ke Perth dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang pada 5.30 petang.

Semasa lawatan dua hari ke Australia, Najib dijadual bertemu Perdana Menteri Australia Tony Abbott berhubung usaha mencari Penerbangan MH370 yang hilang itu dan juga berbincang bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Perkara ini dinyatakan Pesuruhtinggi Malaysia ke Australia, Datuk Zainal Abidin Ahmad, yang berkata Najib akan diiringi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman; Penasihat di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamaluddin Jarjis; Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Datuk Azharuddin Abdul Rahman dan Panglima Tentera Udara Tan Sri Rodzali Daud.

Penerbangan MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal hilang pada 8 Mac setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pukul 12.41 tengah malam, kira-kira sejam kemudian semasa pesawat itu berada di ruang udara Laut China Selatan. Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pukul 6.30 pagi hari yang sama.

Operasi membabitkan pelbagai negara dikerah untuk mencari MH370, mula-mula di Laut China Selatan dan kemudian di dua koridor - koridor utara menjangkau dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan ke utara Thailand - dan koridor selatan, meliputi dari Indonesia sehingga ke selatan Lautan Hindi.

Berdasarkan analisis terbaharu data satelit, syarikat telekomunikasi satelit United Kingdom Inmarsat dan Cawangan Penyiasatan Kemalangan Udara UK (AAIB) merumuskan bahawa Penerbangan MH370 terbang melalui koridor selatan dan bahawa kedudukannya terakhir adalah di tengah-tengah Lautan Hindi, di barat Perth, Australia.

Najib kemudian mengumumkan pada 24 Mac, tujuh belas hari selepas kehilangan pesawat Boeing 777-200, bahawa Penerbangan MH370 "berakhir di selatan Lautan Hindi".

Zainal Abidin berkata Najib dan Abbott akan bertemu selepas melawat pangkalan Tentera Udara

Diraja Australia Pearce.

Katanya mereka akan berbincang berhubung usaha memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang pelaburan, perdagangan, isu-isu biasa serantau, pertahanan dan pendidikan.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin juga akan mengadakan sidang akhbar bersama selepas perjumpaan itu.

Zainal Abidin juga berkata Najib dan anggota rombongannya dijadual berlepas petang Khamis untuk lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027281>